

(1)

Pencapaian MARA ianirkan lebih ramai bumiputera di bidang sosio - ekonomi belum memuaskan — PM

KUALA LUMPUR 16 Nov. —Pencapaian MARA ke arah melahirkan lebih ramai bumiputera dalam bidang sosio ekonomi terutamanya keusahawanan masih belum memuaskan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, MARA perlu lebih serius dalam usaha ini.

Menurut beliau, walaupun MARA telah banyak membantu membangunkan bumiputera dalam pelbagai bidang sosio-ekonomi, tetapi pencapaiannya tidak setanding dengan jumlah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh kerajaan serta tidak mencapai sepenuhnya matlamat yang dirancang.

Berucap melancarkan sambutan 25 tahun MARA di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini, beliau berkata: "Jika wang sejumlah itu diberikan kepada kaum bukan bumiputera, mereka sudah tentu meninggalkan kita lebih jauh lagi.

Dalam hubungan ini, beliau mahu bu-

miputera mempunyai sikap dan etika perniagaan sekiranya ingin berjaya dalam bidang perniagaan dan perusahaan setanding dengan kaum-kaum lain.

Perdana Menteri menegaskan, modal dan pelajaran yang tinggi belum cukup untuk menjamin kejayaan mereka dalam bidang tersebut.

Menurut beliau, apa yang berlaku sekarang ialah kebanyakan usahawan bumiputera terlalu mementingkan kepada soal modal dan cita-cita tanpa menekankan kepada pengalaman serta nilai-nilai hidup yang boleh menentukan kejayaan mereka.

Serentak dengan itu, beliau meminta semua pihak, khususnya MARA supaya menumpukan kepada usaha membentuk peribadi yang sesuai dengan perniagaan dan perusahaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, modal yang banyak tetap tidak akan mencukupi sekiranya cita-cita lebih besar daripada

modal itu sendiri.

"Kata pepatah Melayu, mat hati nak peluk gunung, apakan daya tang-an tak sampai. Kalau kita selalunya pilih gunung untuk dipeluk, sudah tentu tidak akan tercapai.

Membidas

"Kalau kita hanya cukup modal untuk menjual kacang putih tetapi berminat untuk menjual Proton Saga, sudah tentu tidak cukup modalnya. Apabila kita mempunyai modal yang cukup untuk menjual kereta tetapi mat kita ialah untuk menjual kapal terbang, masih tidak cukup juga," tambahnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerana berpendapat modal sangat diperlukan, ramai usahawan Melayu membuat pinjaman yang besar kononnya untuk mendapat keuntungan yang besar.

Malangnya, kata beliau, apabila per-

niagaan tidak berjaya seperti yang diharapkan, mereka akan menghadapi banyak masalah.

"Daripada seorang yang ada sedikit modal, mereka menjadi orang yang tak ada modal sama sekali dan berhutang pula," ujarnya sambil menambah bahawa cara ini bukan membawa mereka maju ke depan, sebaliknya berundur ke belakang.

Beliau turut membidas sikap bumiputera yang enggan membayar balik pinjaman daripada MARA kerana menganggap mereka tidak perlu berbuat demikian memandangkan MARA dimiliki oleh bumiputera.

Sambil menyifatkan tindakan itu sebagai yeribadi yang tidak sesuai, Perdana Menteri berkata, dalam perniagaan, apa yang penting janji-janji yang dibuat seperti membayar balik hutang perlu ditepati.

Beliau mengingatkan dengan berkata, MARA diwujudkan kerana terdapat perbezaan pencapaian antara bumiputera dengan kaum lain di negara ini.